



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN KELANTAN**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK CHE WIL BIN NOH
PENGGIAT SENI SERUNAI KELANTAN**

OLEH:

**SYAHIR FIRDAUS BIN MAT ATAR
2011494294**

**MOHAMAD FAROUK BIN ROSLAN
2012443908**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN**

**BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (SEPT 2013 – JAN 2014)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK CHE WIL BIN NOH
PENGGIAT SENI SERUNAI KELANTAN**

OLEH:

SYAHIR FIRDAUS BIN MAT ATAR

2011494294

MOHAMAD FAROUK BIN ROSLAN

2012443908

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN**

**BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (SEPT 2013 – JAN 2014)**

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Assalamualaikum

Bersyukur kehadiran Illahi kerana dengan limpah kurniaNya dapat juga kami menyiapkan tugas kami yang telah diusahakan selama ini mengenai penggiat seni serunai Kelantan iaitu Encik Che Wil Bin Noh. Transkrip ini amat penting buat kami memandangkan perkara ini merupakan sebahagian daripada kerja wajib dari subjek Pendokumentasian Sejarah Lisan.

Ribuan terima kasih kami ucapkan kepada individu penting yang banyak membantu kami sepanjang kami menyiapkan projek folio kami ini. Pertama sekali kepada Koordinator Kursus IM225 Dr Ghazali Osman kerana beliau telah banyak kebenaran untuk kami menjalankan penyelidikan. Sekalung penghargaan untuk pensyarah subjek kami, Puan Noor Kamariah kerana memberikan tunjuk ajar kepada kami sepanjang kami menyiapkan transkrip ini. Seterusnya, terima kasih juga kepada ibu bapa kami kerana memberikan sokongan dan dorongan kepada kami sepanjang transkrip ini disiapkan. Terima kasih yang tidak terhingga juga kami ucapkan kerana memberikan kami bantuan dari segi kewangan. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang sama-sama berhempas pulas dalam menyempurnakan projek masing-masing. Bantuan kalian dari segi informasi terkini mengenai transkrip amat kami hargai. Budi kalian yang sanggup meluangkan masa untuk memberikankami maklumat tidak akan kami lupakan. Akhir sekali terima kasih kepada pihak-pihak yang telah membantu kami secara langsung atau tidak langsung sepanjang projek kami dijalankan dan disiapkan.

ISI KANDUNGAN

TAJUK	NOMBOR MUKA SURAT
Abstrak.....	i
Biodata Tokoh.....	iii
Pengenalan.....	v
Transkrip	
Bahagian A: Latar Belakang Tokoh.....	1-3
Bahagian B: Soalan Umum.....	4-5
Bahagian C: Soalan Khusus.....	6-40
Lampiran	
Senarai soalan.....	41-47
Log temubual.....	48-55
Indeks.....	56-59
Rujukan.....	60-61
Lampiran.....	62
Surat Perjanjian.....	63
Gambar.....	64-65

ABSTRAK

Abstrak: Transkrip ini mengandungi sesi temubual bersama Encik Che Wil Bin Noh yang merupakan seorang pemain serunai di Kelantan dan terkenal dengan panggilan Abe Wil Irama oleh masyarakat seluruh pelusuk Pantai Timur. Beliau mempunyai pengalaman yang banyak mengenai serunai yang boleh dikongsi untuk tatapan pembaca khususnya dalam bidang kesenian ini. Sepanjang bermain serunai untuk permainan Wayang Kulit dan silat beliau secara tidak langsung memartabatkan seni warisan yang semakin dilupakan oleh generasi sekarang. Penglibatan beliau dalam bidang seni ini mendapat perkenan dan anugerah dari Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan serta sering dijemput ke Istana untuk persembahan. Beliau juga sering bermain serunai hingga ke Eropah dan negara-negara Asia seperti China, Indonesia dan Singapura. Transkrip ini serba sedikit menyentuh hal-hal berkaitan pengalaman, pantang larang, cara dan perihal mengenai serunai di dalam permainan tradisional seperti Wayang Kulit dan Mak Yong serta harapan beliau sendiri terhadap seni serunai ini terhadap generasi kini.

Kata kunci : Che Wil Bin Noh, Pemain Serunai, Eropah, Asia, Wayang Kulit, Mak Yong, Generasi, Kelantan, Pahang.

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Encik Che Wil Bin Noh atau lebih dikenali dengan panggilan Abe' Wil Irama merupakan seorang penggiat seni serunai di negeri Che Siti Wan Kembang (Kelantan). Berasal dari Pahang dan kemudiaanya berhijrah ke Kelantan dan meneruskan kehidupan sebagai anak seni bersama Puan Junaidah Hamzah dan dikurniakan 8 orang cahaya mata. Pesara tentera yang berusia 59 tahun ini giat dalam bidang serunai ini melalui permainan seperti Wayang Kulit, Puteri, Silat dan Mak Yong di Malaysia khususnya di negeri Kelantan. Pengalaman yang beliau perolehi sepanjang bermain serunai dimanfaatkan sepenuhnya sebagai sumber rezeki beliau untuk menyara keluarganya dan sering diundang ke majlis-majlis perkahwinan dan juga semasa hari Keputeraan Sultan Kelantan. Beliau yang terkenal dengan pemain serunai yang serba boleh pernah bermain serunai untuk permainan wayang kulit hingga ke luar negara seperti Sepanyol, Perancis, China, Indonesia dan Singapura. Pernah mendapat pelbagai anugerah di atas pencapaian beliau dalam bidang seni ini dan dalam usaha memartabatkan kesinambungan seni warisan budaya negeri Kelantan ini.

PENGENALAN

Pengenalan

Serunai merupakan sejenis alat muzik tradisional yang termasuk dalam golongan aerofon. Ia menggunakan sistem pernafasan bersambung bagi menghasilkan irama mengikut paluan gendang yang tertentu. Biasanya ia dimainkan mengikut jenis persembahan seperti silat, Mak Yong, Wayang kulit Kelantan, Menora, Main Peteri dan sebagainya. Namun serunai yang terdapat di Malaysia ada berbeza mengikut negeri. Serunai yang merupakan satu simbol kebudayaan di negeri Kelantan dan perlu dipelihara dan dikekalkan seni ini supaya generasi baru juga dapat mengenali kewujudannya. Transkrip dan temubual yang dijalankan ini bukan sahaja untuk melengkapkan tugas bagi subjek, tetapi juga sebagai satu usaha untuk memelihara nilai seni warisan negara kita.

TRANSKRIP

Petunjuk:

**SF : Syahir Firdaus B. Mat
Atar**

CW : Che Wil B. Noh

BAHAGIAN A : LATAR BELAKANG TOKOH

SF : Assalamualaikum w.b.t

CW : Waalaikumsalam w.b.t

SF : Saya dari Universiti Teknologi Mara[UiTM] dan datang ke sini untuk menemuramah Abang Wil yang merupakan seorang pemain serunai di negeri Kelantan ini

CW : *Erm*[ya]

SF : Boleh Abang Wil ceritakan serba sedikit mengenai diri Abang Wil?

CW : Boleh, In sha allah, kerana pada awal ceritanya dari umur *dua belas* [12] tahun lagi saya belajar Mak Yong selepas lama-kelamaan boleh belajar gendang, belajar serunai semuanya serba sedikit lah tapi sekarang *ni* [ini] boleh dikatakan tumpu kepada serunai. Serunai *ni*[ini] boleh dikatakan beratus-ratus lagu boleh dimainkan setakat ini dan tidak hanya *sepuluh hingga dua puluh* [10-20] lagu.

SF : Apa nama penuh Abang Wil?

CW : Nama penuh Che Wil Bin Noh

SF : Nama gelaran Abang Wil di sini?

CW : Orang panggil, Irama, Abang Wil Irama. Semua orang panggil Abang Wil, kalau orang tua pun panggil Abang Wil, budak pun semestinya lah.

SF : Bermula main serunai ini dari (keturunan) nenek moyang ataupun bagaimana?

CW : Tidak...Tidak, kalau hendak dituturkan pusaka, dahulunya Mak Yong, Abang Wil *ni* [ini] tahu serba sedikitlah mengenai permainan tradisional negeri Kelantan *ni* [ini] dan boleh buat, baiki gendang ke, dan semua jenis alat musik boleh main.

SF : Boleh Abang Wil ceritakan sedikit mengenai latar belakang keluarga Abang Wil?

CW : Boleh,sebenarnya keluarga Abang Wil *ni* [ini] dari dahulu dari umur 12 tahun belajar mainan dan selepas itu cukup umur *dua puluh* [20] tahun, Abang Wil masuk tentera dan semasa dalam tentera pun, Abang Wil dalam kugiran juga, tahukan kugiran?

SF : Kugiran tentera?

CW : Haa.. ya, kugiran tentera, dan selepas lapan belas[18] tahun, Abang Wil jatuh sakit. *tiga* [3] tahun Abang Wil berada di atas tikar, lumpuh sebelah badan. Lumpuh tu, tidak ada ubat hospital, boleh dikatakan Melaka, Johor, semua Hospital lah saya pergi dan akhir sekalnya di Hospital Kubang Kerian, Selepas itu, Abang Wil berhenti askar, berhenti askar pula dan memang sepenuh masa bermain dengan semua ini lah. Dulu pon bermain juga, tapi apabila berhenti *ni* [ini] sepenuh masa bermain, mengajar, main Wayang Kulit, main Mak Yong, Puteri, Dikir Barat, tidak kiralah apa-apa jenis permainan yang orang panggil.

TAMAT BAHAGIAN A

BAHAGIAN B : LATAR BELAKANG KELUARGA

SF : Seterusnya, Abang Wil ada berapa orang anak?

CW : Anak *lapan* [8] orang.

SF : Boleh ceritakan sedikit mengenai kelapan-lapan orang anak Abang Wil?

CW : *Lapan* [8] orang anak tu, cumanya alat muzik *ni* [ini] yang boleh bermain cuma seorang sahajalah. Aisan tu boleh bermain alat muzik dan yang lain cuma belajar silat. Alat muzik memang tidak boleh bermain lah yang itu. Sekarang ini budak-budak(anak-(anak) semuanya bekerja dan semuanya tidak ada di rumah sekarang ini, tinggal *dua* [2] orang.

SF : Sepanjang bermain serunai ini, apa pengalaman yang manis sepanjang bermain serunai ini?

CW Kenangan manisnya, ya lah kalau dapat tempat-tempat hiburan, tempat persembahan tapi bagi kita mood kita kearah itu, minat kita kearah itu, apa jenis lagu datang sendiri dalam kepala, orang kata lagu *ni* [ini] boleh buat ke? Walaupun kita tidak pandai, mereka buat sikit-sikit lebih kurang, kita boleh ikut.

SF : Siapa idola Encik dalam bermain serunai ini?

CW : Tidak ada, seorang diri sahaja, tapi kalau mengikut guru sudah meninggal dunia kalau yang sebetulnya, arwah Pok Su Mat dulu, meninggal *dah* [sudah].

SF : Arwah Pok Su Mat ini berasal dari mana?

CW : Pok Su Mat dari Pasir Mas, dia pemandu kereta sewa di Bunut Susu, Pasir Mas.

SF : Boleh saya tahu sejauh mana pencapaian akademik Abang Wil?

CW : Kalau boleh nak setinggi-tinggi lah, setakat yang boleh.

SF : Boleh saya tahu sampai tahap mana Abang Wil dalam pelajaran?

CW : Pelajaran di sekolah ke?

SF : Ya, sekolah.

CW : Sekolah sampai tingkatan *tiga* [3].

TAMAT BAHAGIAN B

BAHAGIAN C : KERJAYA DAN PENGALAMAN

SF : Seterusnya kita pergi ke bahagian permainan, iaitu seruling. Baiklah seruling ini?

CW : Serunai.

SF : Ya serunai, ada berapa jenis serunai sebenarnya?

CW : Serunai ada *satu* [1] jenis sahaja, kalau Kelantan *ni* [ini] satu jenis sahaja.

SF : Dipanggil serunai apa?

CW : Kalau mengikut adat dia, serunai ini dipanggil serunai, kalau orang Kelantan memanggilnya serunai Dekar (Pendekar), itu sebutan Kelantan. Kalau sebutan mengikut buku, musik lah, serunai *ni* [ini] seperti seruling lah.

SF : Sejak bila Encik aktif bermain serunai ini?

CW : Ehh.. *dah* [sudah] lama, daripada umur *dua belas* [12] Mak Yong, *tiga belas* [13].. (sambil membilang jari dan mendongak ke langit) agak-agak lah, tapi dah lupa, tapi dalam lima belas hingga *enam belas* [15-16] tahun begitulah. Tapi dalam tentera pon bermain *flute* [seruling] juga.

SF : Sebagai seorang pemain serunai, boleh Encik Wil ceritakan sedikit mengenai serunai ini?

CW : Serunai *ni* [ini](sambil berfikir) macam mana?

SF : Dari segi sejarah yang Encik tahu mengenai serunai ini, cara bermain mungkin?

CW : Yang itu susah sedikit sebab saya pun, kalau mengikut pelajaran kita, agak dalam sedikit. Serunai ini kalau mengikut ajaran Tok Guru Abang Wil dahulu, dia kata serunai ini, dia tanya kita, ada berapa lubang serunai? Serunai *ni* [ini] ada semuanya *lapan* [8] lubang, *lapan* [8] lubang yang dipetik tu kan? Tahukan *lapan* [8] lubang tu? Dia kata ada setengah orang kata, syirik. Ada sesetengah orang kata syirik lah benda seperti ini, benda musik ini, serunai ini syirik. Ada sesetengah kata tidak syirik, Tapi kalau mengikut Tok Guru Abang Wil dahulu, dia kata dalam syurga pon ada benda itu (serunai). Serunai, (sambil berfikir) serunai sangkakala? Seperti itulah, jadi kalau mengikut dia, serunai kita ada *lapan* [8] lubang, syurga kita ada *lapan* [8] juga dan neraka kita ada *lapan* [8], dan jika nak tahu lebih dalam lagi, kita akan buat lain kali lah, Cuma alasannya, syurga kita ada *lapan* [8], neraka ada *lapan* [8], serunai kita pun ada *lapan*[8]... lubang dia tu. Haa.. saling berkaitan. Satu-satu lubang itu ada namanya, tapi dalam lah sedikit bahagian itu.

SF : Maknanya kena belajar lebih mendalam lagi lah?

CW : Haa, (mengiakan) peringkat lebih dalam lagi.

SF : Majlis seperti mana yang memerlukan pemain serunai ini?

CW : Majlis yang biasanya bersilat lah, bersilat, sekarang ni [ini] semua termasuk serunai, silat masuk serunai, Puteri masuk serunai, Wayang Kulit tentu dah, wayang kulit yang utama lah. Aaaa(termenung seketika) Dikir Barat pun masukkan serunai sekarang ini, boleh dikatakan semua jenis permainan Kelantan ini, semua masukkan serunai.

SF : Sebagai seorang pemain serunai, apa kriteria yang kita perlu ada?

CW : Kita kena ada, fikiran kita kena tenang. Yang utama sekali fikiran kita kena tenang (mengulangi lagi) apabila, semasa kita bermain tu, fikir kita ni [ini], jangan fikir kata nak Salmah cinta atau, hilangkan benda seperti itu, baru kita dapat idea masuk, haa(mengiakan) tu, ehem (berdehem).

SF : Sepanjang bermain serunai ini, apa anugerah yang Abang Wil dapat?

CW : Sekarang ni [ini] dah boleh sijil daripada Tuanku Negeri Kelantan dah boleh anugerah dah, Cuma Negara lain belum lagi cuma sijil dapat dah, sijil yang pergi kemana-mana semua ada sijil itu.

SF : Pernah atau tidak bermain serunai di luar dari Malaysia?

CW : Pernah,

SF : Dimana? Cuba ceritakan sedikit.

CW : Pernah, apa nama *ni* [ini], yang pertama kali pergi ke Sepanyol, kedua *Singapore* [singapura], ketiga di *Indon* [Indonesia], keempat ialah di China, yang kelima yang *last* [akhir] sekali ialah ke Perancis, *last* [akhir] *sudah* [dah] *itu* [tu].

SF : Baiklah, kita ke Sepanyol dahulu, ke Sepanyol ini pada tahun berapa kalau Abang Wil ingat?

CW : Allah, (memegang kepala dan termenung) tahun tu Abang rasa tahun dalam *dua ribu* [2000] mungkin, ehh, tidak, *tujuh puluh* [70].. *sembilan puluh* [90].. *enam* [6] kalau tidak silap.

SF : Tahun Sembilan puluh enam [96]?

CW : Kalau tidak silap rasanya lah, kemungkinan, tapi lupa *dah* [sudah].

SF : Aemm (fikirkan sesuatu)

CW : Tapi setahun ke setahun lah, tahun ini pergi ke sini, tahun depan ke pergi, setahun ke setahun.

SF : Ke Sepanyol ini bermain seruling untuk permainan apa?

CW : Persembahan Wayang Kulit. Semua yang pergi tu Wayang Kulit semuanya, atas dasar dan nama Wayang Kulit.

SF : Ke Singapore ni [ini] pada tahun?

CW : Singapore, (termenung) *dua ribu* [2000] lebih lah, *dua ribu dua* [2002] atau *dua ribu tiga* [2003] begitu lah kalau *tak* [tidak] silap.

SF : Indonesia?

CW : Indonesia itu, (termenung) tidak tahu, tidak ingat.

SF : Tidak mengapa Encik.

CW : Tidak mengapa lah, buat sebegitu sahaja.

SF : Ok [baiklah]

CW : Baru-baru ni, ke Perancis, *dua ribu tujuh* [2007] tidak silap.

SF : Ooowhh... kiranya ke Perancis ini yang paling *last* [akhir].

CW : Ya, betul

SF : Paling penghabisan? Pada tahun *dua ribu tujuh* [2007]?

CW : *Dua ribu tujuh* [2007] atau *dua ribu lapan* [2008] tidak silap begitulah.

SF : Semasa Encik bermain serunai ini, apa pengalaman pahit yang dialami?

CW : Bermacam-macam. Kenangan pahit, bermacam-macam kenangan pahit, utama sekali dari segi bayaran lah sebabnya kita *ni* [ini], apabila kita kerja mesti

ada upah, kadang-kadang tu, emm(termenung) kata janjinya seperti ini, yang dapatnya macam *ni* [ini] (sambil menadah tangan) yang itu kenangan pahitnya. Tapi yang sepanjang Abang Wil pergi ke luar Negara,ok semua ok, semua dari segi bayaran, dari segi layanan, kedudukan semua sekalilah dengan daripada rumah sampai balik semuanya ok, kalau ke luar Negara (dengan tegas), yang pahit nya, Malaysia kita (sambil ketawa).

SF : Ya, jadi ke luar Negara itu, siapa yang taja?

CW : Daripada *satu* [1] PUSAKA.

SF : *Satu* [1] PUSAKA ini syarikat ataupun,

CW : *Satu* [1] PUSAKA ini swasta.

SF Swasta? Persatuan Swasta?

CW : Ya,dia PUSAKA, (Sambil berfikir) PUSAKA Tradisional Malaysia.

SF : Dari segi perbezaan seni kita dengan seni luar tu bagaimana?

CW : Oowhh, lain lah,

SF : Lain bagaimana tu Abang Wil?

CW : Dia(mereka) memang tidak ada alat *ni* [ini] (serunai), memang tidak ada tapi di sana yang paling lucu, bagi orang Kelantan dipanggil lucu (sambil ketawa kecil) yang paling lucu ialah bila orang disana tanya Abang Wil bagaimana

tiup serunai ini tidak putus-putus, tidak berhentilah maknanya, kalau sejam ke, setengah jam ke, memang tidak berhenti, terus sahaja. Macam mana dia kata (sambil tersenyum) boleh terus, kan? Sebab ada sesetengah tu macam alat musik tentera tu, dia gunakan pam kan, kalau awak pernah lihat ada benda tu. Kalau di *UITM* [Universiti Teknologi Mara]pun rasa ada benda tu dia main, Abang Wil pernah mengajar *UITM* [Universiti Teknologi Mara] dulu. Tapi kita *ni* [ini] dengan sendiri katalah tukar nafas dan dia pun hairan lah bagaimana, yang tu yang sukanya.

SF : Pada Abang Wil sendiri, apa pendapat Abang Wil tentang seni yang ada di Negara kita ini?

CW : Pendapat Abang Wil, kalau boleh nak besarkan lagi atau nak majukan ke depan kalau boleh jangan ketinggalan lah, maknanya permainan kita *ni* [ini], tradisi kita ni daripada datuk moyang kita lagi kalau boleh nak terus sampai ke, biar ada benda *ni* [ini], jangan bagi mati sampai generasi akhir.

SF : Seruling ini hanya di Kelantan sahaja ataupun di luar sana ada juga?

CW : Ada,ada! (dengan pantas) yang adanya di yang seakan-akan dengan kita (Kelantan) ialah di Kedah.

SF : Dalam permainan apa tu di Kedah?

CW : Kedah? Wayang kulit pun ada, bersilat pun ada.

SF : Juga menggunakan serunai?

CW : Ya, tapi berlainan lah dengan kita.

SF : Adakah Abang Wil ni boleh mengajar ataupun ada anak murid untuk...

CW : Memang pernah mengajar! Baru-baru ini yang *last* [akhir] sekali baru-baru ini Abang Wil pergi mengajar di RSM di Jeli (Maktab Rendah Sains Mara MRSM Jeli) sampai anak buah bertanding baru-baru ini di Kedah, di Baling, Kedah dapat nombor *tiga* [3]. Empat puluh *lapan* [48] pasukan yang bertanding, dia (mereka) dapat nombor 3... Di UiTM sudah pergi sekali (menyambung kembali).

SF : Kiranya boleh mengajar lah?

CW : Ya, boleh mengajar.

SF : Pada pandangan Abang Wil sendiri, apa beza alat musik sekarang dengan yang dahulu?

CW : Alat tradisional atau bagaimana?

SF : Ya Tradisional, yang dahulu dengan yang sekarang.

CW : Tapi berlainan lah?

SF : Ya, berlainan.

CW : Dulu kalau kata tempat bersilat, gendang *dua* [2] biji, gong ataupun setawak sebiji, sudah cukuplah di tempat bersilat, sekarang ini sudah banyak mereka tambah sebab nak modenkan lagi. Jadi kalau mengikut serunai pun sekarang ini kira dah berbeza dengan yang dahulu, nak moden kan lagi.

SF : Sepanjang Encik bermain serunai ini ada atau tidak pernah rasa jemu?

CW : Tidak jemu! (dengan lantang), sampai sekarang ini memang tidak jemu lagi.

SF : Oleh kerana minat atau mengapa?

CW : Minatlah.

SF : Pada usia sekarang ini adakah anak-anak mendorong Encik?

CW : Sekarang ini ada anak seorang *tu* [itu] yang berada di Gua Musang, dia masih belajar lagilah. Tidak boleh lagi ke tempat orang (untuk bermain) tapi ada bakat lah.

SF : Bermain serunai ini, adakah ini punca pendapatan untuk keluarga atau bagaimana?

CW : Memang ya, sekarang ini Abang Wil selepas berhenti dari tentera... *lapan belas* [18] tahun kerja dahulu, berhenti tahun *seribu sembilan ratus sembilan puluh* [1990]... lebihlah, sampai sekarang ini Abang Wil tidak pernah kerja luar sepenuh masa dengan alat tradisional ini.

SF : Tidak ada kerja seperti orang di sekitar yang bercucuk tanam?

CW : Tidak ada, tidak ada kerja buruh, memotong getah atau apa pun, tidak ada. Semata-mata untuk ini sahaja (sambil menghalakan tangan kearah alat muzik tradisional yang ada di tepi beliau)

SF : Adakah Encik berpuas hati dengan kerjaya yang ada sekarang ini?

CW : Memang sekarang ini, kiranya kalau ikutkan hati tidak puas lagi, nak tambahkan lagi, tapi setakat ini Alhamdulillah lah, kiranya boleh la.

SF : Apa harapan Encik kepada generasi-generasi sekarang ini dalam permainan serunai ini?

CW : Kalau boleh, anak-anak buah kita ini kalau boleh kiranya, tingkatkan ke atas lagi lah.

SF : Encik Wil dikatakan ada kaitan dengan arwah Pak Su Ghani (Pemain Wayang Kulit Kelantan Yang Tersohor) pada ketika dulu.

CW : Haa (mengiakan) ya, ya.

SF : Baiklah, pernah bermain wayang kulit sekali dengan arwah?

CW : Pernah!, sampai ke luar Negara, yang itulah, yang pergi *tu* [itu] dengan dia pun ada tu.

SF : Ke Sepanyol, Singapura itu?

CW : Ya, memang dengan dia pun ada *tu* [itu].

SF : Boleh ceritakan sedikit pengalaman semasa bermain dengan arwah ini, bagaimana?

CW : Arwah ini, kalau mengikutnya dia orang yang garang arwah ni, kalau kenal dia, dia memang orang yang garanglah sedikit kalau tidak kena dengan dia ke apa ke (tidak memuaskan hati), memang dia marahlah. Tapi semenjak Abang Wil bermain bersama dia, eh, banyak tahun jugalah, tidak pernah pun dia marah, tidak pernah dia (arwah) kata yang ini tidak kena ke apa ke, memang satu *line* [sebaris/satu hati] dengan dia (arwah).

SF : Ada sebarang ikatan persaudaraan antara Abang Wil dengan arwah Pak Su Ghani?

CW : Orang Kelantan kata, bau-bau bacanglah.

SF : Jadi berapa tahun sudah bermain bersama arwah ni?

CW : Banyak tahun juga, sehingga sampai dia sakit, mati. Lama jugalah bermain *tu* [itu].

SF : Biasanya serunai ini dimainkan untuk silat, wayang kulit, untuk permainan apa lagi yang boleh?

CW : Puteri (permainan) guna serunai, sekarang ini, moden sedikit kita di Kelantan ini, joget ataupun joget lambak, gunakan serunai juga. Semua menggunakan serunai sekarang ini.

SF : **Apa nama isteri Encik Wil?**

CW : Nama panggilannya Kak Nun, tapi kalau mengikut IC [Kad Pengenalan] dia nya, Junaidah Hamzah.

SF : **Sudah berapa orang anak?**

CW : *Lapan* [8] orang anak, *enam* [6] lelaki, *dua* [2] perempuan.

SF : **Bermula pertemuan dengan Kak Nun ni bila?**

CW : Semasa kerja lah, semasa dalam askar.

SF : **Kak Nun ini pada Abang Wil, orang yang jenis macam mana pada pandangan Abang Wil?**

CW : Semasa mahu dulu, lain lah ceritanya (sambil tersenyum) dari yang sekarang ini, semasa dulu kiranya pada pandangan Abang Wil, tidak ada yang lebih cantik selain dari dia, semasa dulu lah. Tidak ada dah, kalau tunjuk yang lain pun, memang dia sahaja lah. Sebab tu dapat kepada kita (saya), orang lain tunjuk pun tiada lain lagi cantik dah. Dari segi pakaiannya, tutur katanya, budi bahasa, tapi memang sampai sekarang pun memang seperti itu jugalah dia, terikut-ikut dari yang muda dahulu sampai sekarang ada cucu cicit pun.

SF : Sekarang ada berapa orang cucu?

CW : Cucu ada *lapan belas* [18] orang (sambil ketawa)

SF : Boleh saya tahu bila Encik meluangkan masa bersama keluarga dikala sibuk dengan bermain alat muzik?

CW : Masanya macam hari besar-besar, hari raya ke, hari cuti-cuti semua balik, begitulah, tidak kiralah hari apa-apa pun. Tapi biasanya hari raya lah mereka balik semua sekali lah.

SF : Boleh Encik ceritakan sedikit mengenai zaman kanak-kanak Encik dahulu?

CW : Abang Wil sendiri ke?

SF : Ya, Abang Wil sendiri.

CW : Masa kecil dahulu, masa arwah ayah Abang Wil dahulu, dia main Mak Yong, dia orang Mak Yong, Puteri, pernah juga mengajar rata-rata. Namanya orang panggil Pok Mudo Tukup, namanya dalam permainan itulah, jadi kita terikut-ikut dialah. Abang Wil pun jadi terikut-ikut dia, dia kemana-mana pun Abang Wil ikut, sekolah jarang-jarang (sambil ketawa kecil) tapi sekolah dahulu tidak mengapa (dengan nada bersahaja) tidak pergi seminggu pun cikgu tidak cakap apa-apa, sehingga sampai ke *tingkatan tiga* [3], Masa habis *tingkatan tiga* [3]

tu, Abang Wil ikut dia lah sepenuh masa ikut Mak Yong lah. Menora (sejenis permainan) pun pergi.

SF : Mata pelajaran apa yang Encik minati pada masa itu?

CW : Masa sekolah dahulu, tidak timbul pelajaran, masa dahulu tidak ada sastera tidak ada, tidak ada apa-apa dahulu, Cuma belajar dahulu semata-mata nak sijil sahaja, orang kata belajar sampai tingkatan *tiga* [3], boleh la nak kerja masuk kerja, darjah *enam* [6] tidak boleh. Nak kan sijil dahulu, yang belajar itu memang tidak nampak lah sebab nak sijil tingkatan *tiga* [3] itu nak mintak kerja kerajaan, angan-angan di situ. Tapi matapelajaran kitanya bahasa Malaysia ke apa, masa dahulu tidak ada. Sebab rangkum kan semua sekali begitu.

SF : Semasa zaman sekolah, ada atau tidak kenangan yang Encik tidak dapat dilupakan?

CW : Masa tu memang Abang Wil ni orang miskin, arwah ayah dahulu orang sesak (miskin) lah, orang Kelantan kata *sesak* [miskin] jadi merata-rata duduk, Abang Wil dulu memang asal sini, selepas itu ayah berhijrah ke Pahang, Abang Wil belajar Tingkatan *tiga* [3] di Pahang lah, jadi kenangan pahit kitanya, pada itu, arwah ayah ni sebab dia orang miskin, rata, bukan miskin juga, Cuma dia berkelahi dengan adik beradik dan membawa diri. Jadi sehingga ada dalam *satu* [1] hari tu, tidak makan apa-apa pun ada, ikut ayah la, ayah ni jenis orang yang,

orang Kelantan kata *bekeng* [garang] sedikit, dengan adik beradik keluarga ni, tidak boleh silap. Lari tinggal di Pahang lama juga hinggakan *IC* [kad pengenalan] pun *06* [Nombor kad pengenalan bagi rakyat negeri Pahang] sekarang ini. Abang Wil *kosong enam* [06], bukan *kosong tiga* [03] (mewakili negeri Kelantan).

SF : Boleh saya tahu makanan kegemaran Encik?

CW Tidak ada, makanan biasa sahaja, tradisi kiranya ikut yang ada. Tidak ada yang penting. Yang utama sekali air kalau pergi bermain di mana-mana, air teh atau pun teh susu. Kalau nak bermain (serunai) minum air teh susu awal-awal sehingga ke pukul dua belas *hingga tiga* [12-3] petang pun tidak mengapa kerana ia menahan lapar, itu sahaja (bunyi telefon berdering) telefon siapa itu? Anak saudara punya mungkin.

SF : Ada alahan kepada makanan, mungkin kalau makan, terasa gatal-gatal?

CW : Ada,ada, Cuma sekarang ini, tidak boleh makan apa yang orang Kelantan panggil, Acar Timun (sejenis jeruk) kerana dimasukkan cuka dan sebagainya, memang tidak boleh lah, belacan dan sebagainya sebab Abang Wil jaga suara bukan kerana sebab lain, jaga suara takut-takut ada tempat yang perlu menyanyi,bukan kerana bila makan jadi gatal atau sebagainya.

SF : Abang Wil boleh menyanyi?

CW : Boleh, di majlis-majlis, boleh menyanyi lagu moden, boleh menyanyi Mak Yong, boleh menyanyi Puteri.

SF : Apa kesan pemakanan tersebut kepada suara?

CW : Suara, kalau kita makan cuka, suara kita memang tidak keluar. Bukan makan cuka, maksudnya makan makanan yang berasaskan cuka (jelas beliau), suara jadi mudah serak. Seperti rokok juga, Abang Wil hisap bermacam-macam jenis rokok, tidak mengapa, rokok Surya memang tidak boleh, sebab rokok Surya ini panas, ia memberi kesan kepada suara, apabila kita menyanyi tidak habis satu lagu, mudah serak tekak. Kalau nak diikutkan dengan akibat bahaya, memang rokok semuanya bahaya, tapi rokok Surya memang tidak boleh, kalau kita hendak menyanyi misalnya, dikir barat ke, apa-apa sahaja lah, tidak boleh.

SF : Sekiranya mendapat jemputan untuk ke majlis-majlis, apa syarat-syarat yang perlu ada untuk Abang Wil pergi?

CW : Syarat-syaratnya, barang-barang kita mestilah cukup, takutnya bila sampai, barang ini tidak ada, barang itu tidak ada kan? Cuma dari segi pakaian ke, alat-alat kita, macam *PA System* [system pembesar suara], semuanya alat cukup, barulah kita bergerak ke tempat jemputan.

SF : Biasanya, bermain serunai untuk wayang kulit dan main puteri secara berkumpulan, jadi bagaimana Abang Wil sendiri menguruskan kumpulan itu?

CW : Sekarang ini tidak pelik, kalau dahulu susah sedikit sebab Abang Wil pun orang jauh, di Machang ada, Tanah Merah ada, tapi sekarang ini tidak perlu risau sebabnya kita boleh berhubung dengan telefon, kalau kata seperti malam esok, hari ini telefon pada masa dan tempat tertentu dan kita ikut tempat itu dimana, kalau di kawasan Machang misalnya, berjumpa dimana, Balai Polis ke, di sekolah ke, baru kita berangkat pergi sekali ke tempat jemputan. Yang utamanya, balai polis, kita mudah mencari orang contohnya di balai polis, Hospital dan sekolah.

SF : Pernah atau tidak berlaku masalah dalaman kerana dalam kumpulan ini biasa nya...

CW : Memang ada (mencelah dengan pantas).

SF : Bagaimana Encik selesaikan perkara tersebut?

CW : Memang ada. Kita sebagai ketua, kita tidak boleh mudah untuk menarik diri walaupun panas, pedih, macam mana rasa sekalipun, kita buat biasa sahaja. Kalau mengikut ada, ada kala anak buah kita ada yang bermacam-macam dari segi duit, makanan, kedudukan. Tapi kita sebagai ketua, kena merendah diri dan jangan kita anggap kita ketua, kita berada di atas, kita kena berada di bawah mereka. Seperti cikgu sekolah juga, dia cikgu, tapi kalau dia anggap dia

cikgu dan dia berada di atas, anak murid akan marah. Kita sebagai cikgu, kita kena berada di bawah dan anak murid di atas, barulah anak-anak murid lemah dengan kita. Walaupun kita pangkat tinggi, jangan rasa kita yang paling atas. Kalau mengikut dalam permainan ini, Abang Wil memang tahap tinggi, tapi walaupun tinggi, kita kena berada di bawah, masalah memang ada, tapi kita buat biasa kerana memang adat sebegini.

SF : Sepanjang Encik bermain serunai ini, ada atau tidak orang yang berdengki atau sebagainya?

CW : Memang ada, permainan tradisional negeri Kelantan ini memang ada, sebab kita ada beratus-ratus pasukan permainan di Kelantan ini. Memang ada, yang ini berdengki sebegini. Pernah ada orang berkata kepada Abang Wil, “Awak ni, tidak pernah ada di rumah, sekali ke sini, ke sana, saya tidak pernah pun dijemput”. Yang ini rezeki, sebab yang bermain serunai ini, ramai orang pandai bermain serunai, tetapi biasa mereka pandai bermain *empat* [4] atau *lima* [5] lagu, *sepuluh* [10] lagu, biasanya serunai bersilat, serunai wayang, *dua* [2] lagu. Macam Abang Wil ini, ikut rasa, semuanya boleh, lagu moden, lagu Arab, lagu Hindustan (sambil ketawa kecil) semuanya boleh buat.

SF : Kiranya, kalau diminta untuk bermain dengan segera, boleh bermain?

CW : Ya, kalau kata segera pun, boleh, tetapi kita akan tanya, macam mana lagu tersebut, jika mereka tunjuk sikit-sikit alunan, Abang Wil boleh buat, untuk sekarang ini lah, setahun dua lagi tidak tahu lah (sambil tersenyum).

SF : Biasanya dalam sebulan, berapa jemputan yang Abang Wil dapat?

CW : Tidak tentu, biasa dalam sebulan penuh pun ada, kadang-kadang dalam sebulan itu, tiada jemputan langsung, kadang-kadang itu.... Tidak kira lah, kerana ia rezeki, kadang-kadang tengahari ada, malam ada. Kalau dari segi pendapatan, Abang Wil pergi ke satu tempat, orang akan beri *seratus dua puluh ringgit* [RM120.00] untuk satu permainan, bayangkan *sepuluh* [10] malam dalam sebulan, dapat lah *seribu*[1000] lebih, tapi duit sekarang, faham-faham lah (sambil ketawa kecil). Kadang-kadang tu, siang dan malam pun ada jemputan, Kelmarin pergi ke Gua Musang, hari ini rehat, esok pula, selepas itu *sembilan, sepuluh, sebelas* [9,10,11] sehingga sampai ke *dua puluh Sembilan* [29] haribulan bulan ini (sambil membilang jari) baru habis.

SF : Dari segi kesihatan, bagaimana Abang Wil rasa, boleh teruskan lama lagi atau tidak?

CW : Buat masa sekarang, Inshaallah, boleh lagi cuma Abang Wil hendak buat kerja berat tidak boleh lah, itu lah sebab tumpu sepenuh masa ke permainan ini. Sebab sebelah kanan ni, (sambil memegang paha kanan) barang lama, nak angkat berat tidak boleh, bawa kereta jauh pun juga tidak boleh, kena ada pemandu lain sekali.

SF : Umur berapa sekarang ini?

CW : Umur Abang Wil, kurang setahun *enam puluh* [60]. Muda lagi (sambil ketawa kecil).

SF : Dari segi bayaran untuk setiap jemputan, adakah Abang Wil berpuas hati?

CW : Buat masa sekarang ini, kalau mengikut hati memang tidak puas lah sebab saya nak banyak, tapi saya bertimbang rasa, misalnya kawasan Machang ini Abang Wil ambil satu[1] hari kalau tempat kenduri, Abang Wil ambil *enam ratus* [RM600.00] sehari, kalau luar dari Machang, *tujuh ratus* [700] ada, *lapan ratus* [800] ada, sampai *satu* [1] ribu pun ada, mengikut tempat lah, jauh, dekat tapi tengok keadaan orang pula, jangan semata-mata hendak wang, tidaklah juga, kalau nampak orang itu tidak mampu, kita kurangkan sedikit. Nampak tinggi kita makan (kenakan bayaran) tinggi sedikit. Kita ada had, bukan kata *lima ratus* [RM500] sehari, bukan juga. Ada kala *tiga ratus* [RM300] sehari pun ada juga.

SF : Bayaran itu bergantung kepada permainan ataupun bagaimana?

CW : Tidak juga, contohnya rumah adik lah, (sambil menuding jari kearah penemuduga) hendak buat kenduri, kita akan pergi dari pukul *sebelas* [11] pagi sehingga pukul *empat* [4], kalau Abang Wil kata nak enam ratus[RM 600.00], sudah tentulah. Ataupun hendak sambung sampai ke malam, kita akan kira harga lain pula.

SF : Abang Wil ada kelab atau bagaimana?

CW : Kelab sekarang ini sudah tiada (sambil tersenyum). Dahulu ada kelab, buat kelab di Machang, tapi kelab di kawasan kampung ini tidak terjamin kerana semua orang kampung, bermacam-macam yang ini cerdik yang ini bodoh, yang cerdik itu, mereka pandai sedikit, yang bodoh ini hanya menurut. Bermacam-macam, dan tidak boleh ditubuhkan kelab permainan ini, banyak kepahitan.

SF : Jadi sekarang ini, bergeraknya Abang Wil dalam permainan serunai ini, atas siapa?

CW : Atas dasar kita buat sendiri, Cuma sekarang ini, kalau lama, dalam sebulan kita akan buat latihan kerana takut ketinggalan.

SF : Kiranya ada kumpulan penggerak?

CW : Ya, ada.

SF : Bagaimana penerimaan ahli kumpulan tersebut terhadap Abang Wil sendiri?

CW : Buat masa sekarang, mereka berpuas hati lagi, tiada yang merungut bermacam-macam.

SF : Bagaimana Abang Wil jaga anak-anak buah sendiri?

CW : Jaga seperti itu lah, duit mengikut dapat, misalnya lima ratus[RM500.00], ada pengkelasan juga (dengan tegas). Kelas *satu* [1] sebanyak ini harga, kelas *dua* [2] sebanyak ini harga, kelas tiga[3] banyak ini harga, tapi sekarang ini sampai kelas *dua* [2] sahaja, tapi Abang Wil kelas satu[1]. Tapi tidak banyak.

SF : Biasanya semasa pembahagian duit itu, ada atau tidak isu berbangkit dari kumpulan?

CW : Tidak ada, sebab bila dapat duit, misalnya *lima ratus* [500] ataupun berapa sahaja yang dapat, kita akan panggil *sepuluh* [10] atau *lima belas* [15] orang ahli tersebut dan duit akan dibilang di depan ramai-ramai, dan akan kita jelaskan potongan dan sebagainya dan membahagikan duit tersebut. Setakat ini, tidak ada lagilah isu berbangkit.

SF : Jadi ini merupakan satu kumpulan, dan bagaimana sekiranya ingin menyertai kumpulan ini?

CW : Tidak ada masalah, misalnya kumpulan Abang Wil, adik nak masuk (sambil menunjukkan jari ke arah penemuramah), tidak mengapa, datang sahaja, tapi datang ke sini kena ikut apa yang diajar lah, jangan ikut apa yang dibawa, kena ikut petua kita, adat kita.

SF : Kiranya, masuk ke dalam kumpulan ini dengan bakat yang sedia ada ataupun bagaimana?

CW : Ada sesetengah, masuk dengan yang sudah ada ilmu, dan ada yang masuk dengan tiada ilmu, tapi yang masuk dengan ada ilmu itu, kita ada kelas sedikit, dan kalau yang mula dari bawah, belajar lah.

SF : Kalau lah seseorang itu datang untuk belajar, adakah kumpulan ini akan ajar sehingga pandai?

CW : Ada juga sesetengah seperti itu, ada juga yang tubuhkan kumpulan dahulu dan panggil Abang Wil untuk mengajar di tempat dia, tapi kebanyakannya, mereka tubuhkan kumpulan dahulu dan panggil Abang Wil untuk mengajar seminggu sekali ataupun *dua* [2] kali seminggu.

SF : Contohnya kalau ada *satu* [1] kumpulan yang ingin belajar serunai, bagaimana dari segi bayaran yang dikenakan?

CW : Bayaran itu bergantung kepada bagaimana mereka hendak belajar, kalau ikutan yang lepas, Abang Wil mengajar di *MRSM* [Maktab Rendah Sains Mara] Jeli, mereka bayar, *dua* [2] jam seratus ringgit, minyak kereta *lima puluh* [RM50.00] maknanya *dua ratus lima puluh* [RM250.00] lah mereka beri sehari.

- SF : Selain serunai, Abang Wil boleh bermain alat muzik apa? Contohnya?**
- CW : Boleh, contohnya gendang, serba jenis lah, daripada belajar Mak Yong, Puteri, Menora, Dikir Barat, Silat, semuanya boleh main. Boleh dikatakan semua alat muzik tradisional ini, Abang Wil boleh main.
- SF : Apa prinsip hidup yang Abang Wil pegang? Sebagai contoh, kalau saya, saya tidak akan berputus asa.**
- CW : Memang, kalau sekarang ini, prinsip hidup Abang Wil, masih belajar lagi lah, bukan kata pandai semuanya, tapi boleh bermain semua alat musik dan masih belajar. Ibarat kata jika sekarang belajar, ingin sampai menjadi seorang pensyarah, walaupun tua, semangat ada lagi (sambil tersenyum).
- SF : Dalam satu permainan wayang kulit, berapa orang pemain serunai dalam satu[1] kumpulan?**
- CW : Seorang sahaja. Ahli ada *enam* [6] orang. Sekarang ini Abang Wil buat tujuh[7] orang semua sekali. Tok dalang, gendang kita pakai *dua* [2] orang, *dua* [2] biji gendang, *dua* [2] gedombak, tapi kalau mengikut adat, *dua belas* [12] orang semua sekali, tapi sekarang, kita kecilkan bilangan ahli dan *tujuh* [7] orang kita buat.
- SF : Permainan wayang kulit ini ada kaitan atau tidak dengan unsur-unsur luar atau unsur ghaib, boleh jelaskan?**
- CW : Memang ada, kalau diikutkan, kita kena ambil pedoman wayang kulit ini dari

purba, jenis yang moyang kita pada masa dahulu. Kalau kita perhalusi, memang cerita yang ada itu terlibat dengan kita. _ _ _ _ _

SF : Wayang kulit biasanya dikaitkan dengan keturunan dan semangat halus dan apa kaitan ia dengan serunai?

CW : Ya, serunai ini mengikut, Wayang kulit, kita ada Tok Dalang, apabila kita dengar tok dalang itu berkata-kata seperti ia ada kaitan dengan semangat halus, maka kita tahu, jika dia sebut ini, maka ini lah lagu yang akan dimainkan.

SF : Antara Tok Dalang wayang kulit dan pemain serunai ini, bagaimana hendak mencari keserasian?

CW : Kita kena ikut suara dia (Tok Dalang), itu yang susahnyanya, Kita kena ikut suara Tok Dalang dan Tok Dalang kena ikut suara kita, serasi suara kita dan suara Tok Dalang dan kena faham, sebagai contoh Tok Dalang berkata, Hanuman kera Putih hendak berjalan, maka kita sudah tahu, lagunya sebegini, ada sesetengah itu, berjalan dahulu, baru lah serunai berbunyi. Sebab itu, dalam kumpulan Abang Wil , apabila naik ke panggung wayang kulit, mula bermain, semua akan berhenti bercakap dan masing-masing menunggu tugas masing-masing. Tidak seperti kumpulan lain biasanya riuh, tetapi tidak bagi kita.

SF : Sebagai seorang pemain serunai yang boleh bermain bermacam-macam jenis lagu, dari mana Abang Wil mendapat inspirasi?

CW : Tidak tahu, Abang Wil pun hairan juga, (sambil menggaru kepala) sebab dulu

semasa Abang Wil berjalan, dahulu cuma pandai serunai silat, mak yong, serama tu, memang boleh la. Tapi dengar arwah tok guru Abang Wil dahulu, kalau kamu hendak belajar serunai, belajar biar lebih dari orang. Dia beri semangat kepada Abang Wil, kalau orang ada *sepuluh* [10] lagu, kamu kena buat *dua belas* [12] katanya. Macam mana nak buat Pok su? Tidak pandai, kamu cari serunai dan suara kamu itu, serasi katanya. Teringat kata-kata arwah, baru Abang Wil sedar yang suara Abang Wil dan suara serunai ini serasi, sebab itu biasanya dari jauh, orang tahu siapa yang bermain serunai.

SF : Seorang pemain serunai ini semestinya mempunyai tahap, bagaimana Abang Wil mengetahui tahap seseorang itu, adakah melalui mendengar, sudah mengetahui tahap seseorang itu? Dari segi kualiti bermain?

CW : Ya, memang kita tahu, sekarang ini seperti Abang Wil yang sudah ada pengalaman dalam bidang serunai, Katakanlah kita berempat ini pemain serunai (sambil menghalakan tangan ke hadapan) cuba letak serunai, Abang Wil tengok serunai, Abang Wil sudah tahu suara masing-masing. Sebab pengalaman Abang Wil lebih di situ, ada lah suara A,B,atau C (tahap suara).

SF : Dalam bermain serunai ini, ada atau tidak pantang larang?

CW : Ada,kalau mengikut Tok Guru Abang Wil, serunai Abang Wil, tidak dibenarkan orang lain menyetuhnya, cuba untuk tiup, biarlah mereka marah pun, Abang Wil tidak akan bagi, sebab kita sesama kawan pun, kalau dia nak kenakan kita, mengikut kepandaian masing-masing. Pernah Abang Wil bermain

di Thailand, Kalau ada yang kenal, namanya Tok Awe, berkelahi dengan dia kerana dia sentuh serunai Abang Wil, sehingga tidak berbunyi apabila ditiup, Abang Wil cuba baiki, tetapi tidak menjadi pada masa itu. Semenjak hari itu sehingga kini, mahu sentuh, mahu tengok, Abang Wil tidak akan bagi, biarlah tidak tengok pun. Biar begitu, orang Kelantan kata cuba untuk mengkhianat dan dengki kerana kepandaian masing-masing dan tidak kira. Dan sekarang ini memang Abang Wil tidak bagi orang lain sentuh. Rata-rata Abang Wil pergi bermain, ada yang hendak pinjam, tetapi Abang Wil tidak bagi, kalau ada yang hendak sewa bayar *seribu* [RM1000] sehari pun Abang Wil tidak akan bagi. Kalau hendak dengan tuannya, boleh.

SF : Abang Wil ada berapa serunai?

CW : Ada satu sahaja.

SF : Asal dari mana, beli ataupun ?

CW : Beli, sebab nak buat memang tidak pandai. Beli pun ikut orang beri, asal berbunyi (sambil tersenyum)

SF : Serunai ini dibeli buatan orang Kelantan sendiri atau bagaimana?

CW : Orang Kelantan (sambil memejam mata). Bukan beli juga, asal dahulu Tok Guru Abang Wil dahulu beli dan beri kepada Abang Wil, kiranya beli jugalah.

SF : Kiranya turun temurun?

CW : Ya... dia beli, bukan buat sendiri, lepas itu kita baiki sendiri.

SF : Macam mana Abang Wil jaga seruling, biasanya orang lap di bahagian luar sahaja.

CW : Memang ada jugalah, cuci-cuci, macam Abang Wil sekarang ini tidak sempat sebab hari-hari, kadang-kadang malas. Abang Wil jaga juga kerana benda ni (serunai) sensitif juga, mudah patah, mudah pecah sebab benda nipis.

SF : Sepanjang bermain seruling ini, pernah atau tidak apabila sampai di sesuatu majlis, berlaku perkara yang tidak diingini seperti yang Abang Wil kata sebentar tadi, serunai tidak berbunyi dan sebagainya.

CW : Ada, masa Abang Wil pergi ke Istana Kubang Kerian (Istana Sultan Kelantan) ada 5 pasukan, masa hari jadi Sultan kalau tidak silapnya. Kumpulan Abang Wil ni setelah letak barang-barang semua siap, tidak sempat bermain, pengsan dan mengapa jadi begini sedangkan orang lain semua nya dalam keadaan baik, tetapi bila kumpulan kita masuk, rebah dengan sendiri. Tapi Alhamdulillah, diizinkan tuhan pada ketika itu, semuanya pulih dan boleh bermain juga pada masa itu, Sebab mainan di negeri Kalantan ini kebanyakannya mereka puja memuja, contohnya kumpulan dia, ada Tok Guru dia, ada Bomoh dia sama juga seperti kumpulan Abang Wil.Semua ada kelebihan dan masing-masing hendak tunjuk kehandalan. Seperti di sebelah pihak mereka, mereka hendak menjatuhkan orang lain, tapi yang itulah yang dikatakan mengikut kepandaian

masing-masing di Kelantan ini. Kecuali budak-budak muda sekarang ini tidak tahu, tapi tidak tahu pun, tok guru dia ada.

SF : Adakah unsur-unsur bomoh kuat dalam permainan seruling atau wayang kulit ini?

CW : Memang ada dan kena ada.

SF : Apa faktor dan mengapa perlu ada?

CW : Sebabnya, seperti yang diberitahu tadi, sebagai contoh, untuk pergi menahan kumpulan itu dari bermain, mengikut orang Kelantan, peliharaan mereka itu atau orang halus akan pergi ke tempat lawan dan akan menyebabkan pengsan, alat musik tidak berbunyi, rosak dan bermacam-macam lagi. Kelantan ini, banyak puja memuja.

SF : Unsur bomoh ini digunakan untuk melindungi diri sendiri atau untuk kenakan orang?

CW : Ada untuk melindungi diri sendiri dan ada untuk mengenakan orang lain dan perkara ini mesti ada, kerana dia belajar benda-benda seperti itu.

SF : Kalau mengikut Islam, bagaimana?

CW : Kalau mengikut Islam memang tidak elok, tetapi orang-orang kita (Kelantan) yang dalam permainan ini, masing-masing hendak tunjuk handal, maksudnya yang syirik dan yang tidak syirik, dia tahu bukan tidak tahu, tetapi dia mengetepikan semua ini dan hendak menunjukkan kehandalan dia juga.

SF : Jadi, kita gunakan istilah ilmu hitam lah?

CF : Ya... Ilmu hitam.

SF : Baiklah, ilmu hitam ini jika diterapkan dalam permainan ini, apa keburukkan nya?

CW : Keburukkan nya, ia memakan diri, sepatutnya kita tidak bermain dengan benda-benda seperti itu, sepatut benda itu akhirnya ia akan memakan diri kita, makan tuan. Seperti sekarang, kita dalam keadaan sihat macam Abang Wil, sihat dan masih lagi mengetahui, fikiran kita pun masih lagi waras, boleh lagi kita menjamu benda itu makan, setelah akhirnya Abang Wil pun sudah tua, dia akan memakan diri kerana kita pun sudah lupa hendak menjamu benda itu. Bukan setakat diri kita sahaja, malah seluruh keluarga kita akan dikacau oleh benda itu.

SF : Ilmu hitam yang digunakan ini, adakah akan diwarisi?

CW : Ya, akan diwarisi oleh keluarga, itu lah masalahnya, seperti Abang Wil sekarang ini, jika Abang Wil ada benda seperti itu, sekarang ini tidak mengapa

sebab Abang Wil ada lagi, Abang Wil boleh bagitahu, “kamu jangan kacau dia ni” tapi selepas Abang Wil sakit dan mati, benda itu hendak menumpang dimana? Ia akan menjadi pusaka dan harta jugalah (sambil tersenyum) selepas itu dia akan menziarahi, tempat mana yang dia hendak duduk. Sebab itu, Abang Wil kata, kalau ada orang yang hendak ajar pun, tidak usah belajarliah, buat setakat yang kita boleh sudahlah.

SF : Dalam kumpulan Abang Wil sendiri tidak ada benda-benda seperti ini?

CW : Abang Wil tidak belajar perkara seperti itu, bukan tidak belajar, semasa bermain Mak yong dahulu pun, tok guru Abang Wil ada pesan mengenai benda seperti ini dan sampai sekarang ini Abang Wil tidak amalkan benda-benda seperti itu, tapi kalau dalam kumpulan Abang Wil tu kalau ada yang rebah atau sakit, Abang Wil boleh pulihkan dengan sendiri sahaja. Tapi tidaklah menggunakan ilmu hitam, budak halus atau sebagai nya, tidaklah. Hanya gunakan ilmu yang ada dan memadai dan yang elok.

SF : Sebagai contoh Abang Wil beritahu sebentar tadi persembahan di Istana Negeri Kelantan, sebelum Abang Wil turun dari rumah, ada atau tidak petanda-petanda yang tidak baik?

CW : Memang ada, apabila kita belajar satu-satu perkara, Tok guru kita akan ajar caranya bagaimana. Semasa Abang Wil turun pergi, tidak ada apa, tidak rasa sakit ataupun apa-apa sehingga sampai disana, pilih tempat pun tidak tahu

dimana. Disana ada lima[5] tempat, untuk kumpulan masing-masing, semasa kumpulan Abang Wil sampai di sana, tidak tahu tempat yang mana, jadi hilang tempat kita. Teruk sungguh mereka ini (sambil tersenyum). Jadi kalau yang lama sedikit, adalah pelajaran dia, macam kita sekarang ini, seperti budak-budak sekarang, tidak tahu apa-apa mengenai semua ni, orang lama-lama sedikit, mereka ada lah.

SF : Apa pesanan Abang Wil kepada generasi muda yang ingin melibatkan diri dalam wayang kulit, mengenai ilmu hitam ini?

CW : Kalau hendak belajar, wayang kulit ataupun serunai jangan belajar sampai ke tahap menggunakan keburukan, belajar yang setakat untuk bermain sahaja sudah cukup. Kalau kita nak belajar bercerita, kita belajar cara bercerita bagaimana mula sampai akhir. Dahulu banyak, belajar bagaimana hendak menarik perhatian orang ramai, bagaimana hendak suruh orang gilakan kita, tidak usah belajar semua itu, belajar setakat yang kita hendak main sudahlah. Belajar itu, Abang Wil berikan sokongan, belajarlah biar pandai.

SF : Sebelum Abang Wil bermain serunai, ada atau tidak apa-apa pantang larang ?

CW : Ada, sebelum Abang Wil bermain dengan kumpulan Abang Wil, kumpulan orang lain, saya tidak tahu, selepas selesai letakkan semua barang, duduk diam sahaja, tidak dibenarkan untuk mengetuk, meniup dan sebagainya kerana Abang Wil tidak suka daripada dulu pun memang Abang Wil bagitahu, jangan

dipalu, dan jangan cuba apa-apa alatan, maknanya, selepas pasang siap, diam sahaja. Apabila orang suruh main, barulah kita bermain. Ada seetengah itu, bila sampai, cuba itu, cuba ini, kita tidak suka seperti itu.

SF : Semasa bermain?

CW : Semasa bermain,(termenung seketika) semasa bermain, kita kena carilah, bukan kata tidak bagi belajar ilmu-ilmu hitam seperti itu, tetapi kena juga cari yang untuk menyerlahkan kumpulan kita, jangan cari benda syirik sudahlah. Cari yang elok. Kumpulan Abang Wil pun, sebelum Abang Wil membuka tempat belajar, memang Abang Wil ada bacaan Bismillah lebih kurang, jangan melebihi apa yang tidak boleh.

SF : Kiranya ia masih berasaskan Al-Quran?

CW : Yaa! Jangan melebihi, setakat yang elok sudahlah. Jangan sampai tahap orang halus, tidak mahu lah benda seperti itu.

SF : Apabila selesai bermain, bagaimana caranya?

CW : Selepas bermain, kena tutup pula, kita kena belajar denga tok guru kitalah, dia akan ajarlah cara buka macam ini, cara tutup macam ini (sambil menadah tangan) sebab kita bermain ni, permainan Yahudi, mengikut Tok Guru Abang Wil dahulu, kita kena pinjam dengan Yahudi permainan ini, alat ini, alat muzik

kita ini, alat muzik Yahudi, kita kena belajar pinjam dengan Yahudi terlebih dahulu, setelah selesai nanti, kita kena hantar balik kepada mereka pula, maksudnya begitu. Bukan kita pergi hantar barang ke Yahudi, maknanya, kita ada belajarliah benda seperti tu, supaya benda ini tidak menjadi darah daging kita, andai kita sakit, demam atau mati sekalipun, kita sudah lepas.

SF : Ada yang saya dengar biasanya kalau orang-orang tua yang ada darah seni ini, bila dia dengar bunyi seruling dia tidak tahan dan wajib kena pergi.

CW : (sambil ketawa kecil) memang betul,ia terjadi apabila kita tidak pandai yang berlaku sebegitu. Kita nak dengar benda itu, tapi kita tidak pandai. Apabila kita sudah faham dan pandai, tidak mengapa. Biasanya yang berlaku sedemikian apabila dia pandai tidak pandai. Ibarat sekolah, ABC (huruf) tidak berapa tahu, apabila tidak tahu, dia berlagak seakan-akan tahu. Apabila tahu, mereka akan diam. Bila orang sebut, dia akan mengiakan sebab tahu.

SF : Orang yang diam ini, orang ada ilmu, begitu?

CW : Ya, tetapi tidak juga, maksudnya dia tahu benda itu, ibarat orang bodoh dan orang cerdik, kalau orang bodoh, dengar sikit terus pergi, orang cerdik pergi juga, cuma perlahan-lahan.

SF : Bagaimana penerimaan orang di sekeliling terhadap Abang Wil?

CW : Buat masa sekarang ini Alhamdulillah, Abang Wil bermain di rumah dan seperti lawatan dari luar Negara datang ke mari, sambutan semuanya baik. Pernah orang luar Negara datang ke sini dari Brazil, (berfikir seketika) ramai sudah, buat permainan wayang kulit, buat apa-apa pun, sambutan orang kampung setakat ini, Alhamdulillah semuanya baik.

SF : Biasanya kalau mengajar, disini (sambil menghalakan tangan ke ruang legar) di rumah atau di tempat lain?

CW : Dulu Abang Wil buat bangsal, panggung dikir barat *satu* [1], wayang kulit *satu* [1], selepas itu semuanya pandai, Abang Wil padamkan dan kalau hendak main, kita bermain seperti biasa lah selepas itu buang balik.

SF : Itu sahaja daripada kami Abang Wil, kalau ada apa-apa nanti, kita akan hubungi kembali Abang Wil. Terima Kasih

CW : Sama-sama.

TAMAT BAHAGIAN C

SENARAI SOALAN

SOLAN WAWANCARA

1. Boleh Abe Wil ceritakan serba sedikit mengenai diri Abe Wil?
2. Apa nama penuh Abe Wil?
3. Nama gelaran Abe Wil di sini?
4. Bermula main serunai ini dari (keturunan) nenek moyang ataupun bagaimana?
5. Boleh Abe Wil ceritakan sedikit mengenai latar belakang keluarga Abe Wil?
6. Abe Wil ada berapa orang anak?
7. Boleh ceritakan sedikit mengenai kelapan-lapan orang anak Abe Wil?
8. Sepanjang bermain serunai ini, apa pengalaman yang manis sepanjang bermain serunai ini?
9. Siapa idola Encik dalam bermain serunai ini?
10. Boleh saya tahu sejauhmana pencapaian akademik Abe Wil?
11. Boleh saya tahu sampai tahap mana Abe Wil dalam pelajaran?.
12. Seterusnya kita pergi ke bahagian permainan, iaitu seruling
13. ada berapa jenis serunai sebenarnya?
14. Dipanggil serunai apa?
15. Sejak bila Encik aktif bermain serunai ini?
16. Sebagai seorang pemain serunai, boleh Encik Wil ceritakan sedikit mengenai serunai ini?
17. Dari segi sejarah yang Encik tahu mengenai serunai ini, cara bermain mungkin?
18. Majlis seperti mana yang memerlukan pemain serunai ini?
19. Sebagai seorang pemain serunai, apa criteria yang kita perlu ada?

20. Sepanjang bermain serunai ini, apa anugerah yang Abe Wel dapat?.
21. Pernah atau tidak bermain serunai di luar dari Malaysia?
22. Dimana? Cuba ceritakan sedikit.
23. Baiklah, kita ke Sepanyol dahulu, ke Sepanyol ini pada tahun berapa kalau Abe Wel ingat?
24. Ke Sepanyol ini bermain seruling untuk permainan apa?.

24. Semasa Encik bermain serunai ini, apa pengalaman pahit yang dialami?
25. Ke luar Negara itu, siapa yang taja?
26. Syarikat Swasta atau Kerajaan?
27. Apa pengalaman paling berharga bagi Encik sepanjang bermain di luar Negara?
28. Dari segi perbezaan seni kita dengan seni luar tu bagaimana?
29. Pada Abe Wel sendiri, apa pendapat Abe Wil tentang seni yang ada di Negara kita ini?
30. Seruling ini hanya di Kelantan sahaja ataupun di luar sana ada juga?
31. Adakah Abe Wil ni boleh mengajar ataupun ada anak murid untuk?
32. Pada pandangan Abe Wil sendiri, apa beza alat musik sekarang dengan yang dahulu?
33. Sepanjang Encik bermain serunai ini ada atau tidak pernah rasa jemu?
34. Pada usia sekarang ini adakah anak-anak mendorong Encik?
35. Bermain serunai ini, adakah ini punca pendapatan untuk keluarga atau bagaimana?
36. Tidak ada kerja seperti orang di sekitar yang bercucuk tanam?
37. Adakah Encik berpuas hati dengan kerjaya yang ada sekarang ini?
38. Apa harapan Encik kepada generasi-generasi sekarang ini dalam permainan serunai ini?

39. Encik Wel dikatakan ada kaitan dengan arwah Pak Su Ghani (Pemain Wayang Kulit Kelantan Yang Tersohor) pada ketika dulu?
40. Pernah bermain wayang kulit sekali dengan arwah?
41. Boleh ceritakan sedikit pengalaman semasa bermain dengan arwah ini, bagaimana?
42. Ada sebarang ikatan persaudaraan antara Abe Wel dengan arwah Pak Su Ghani?
43. Berapa tahun sudah bermain bersama arwah ni?
44. Biasanya serunai ini dimainkan untuk silat, wayang kulit, untuk permainan apa lagi yang boleh?
45. Apa nama isteri Encik Wil?.
46. Sudah berapa orang anak?
47. Bermula pertemuan dengan isteri ini bila?
48. Sekarang ada berapa orang cucu?
49. Boleh saya tahu bila Encik meluangkan masa bersama keluarga dikala sibuk dengan bermain alat
50. Boleh Encik ceritakan sedikit mengenai zaman kanak-kanak Encik dahulu?
51. Matapelajaran apa yang Encik minati pada masa itu?
52. Semasa zaman sekolah, ada atau tidak kenangan yang Encik tidak dapat dilupakan?
53. Boleh saya tahu makanan kegemaran Encik?
54. Ada alahan kepada makanan, mungkin kalau makan, terasa gatal-gatal?
55. Abe Wil boleh menyanyi?
56. Apa kesan pemakanan tersebut kepada suara?

57. Sekiranya mendapat jemputan untuk ke majlis-majlis, apa syarat-syarat yang perlu ada untuk Abe

Wil pergi?

58. Biasanya, bermain serunai untuk wayang kulit dan main puteri secara berkumpulan, jadi bagaimana

Abe Wil sendiri menguruskan kumpulan itu?

59. Pernah atau tidak berlaku masalah dalaman kerana dalam kumpulan ini biasa nya?

60. Bagaimana Encik selesaikan perkara tersebut?

61. Sepanjang Encik bermain serunai ini, ada atau tidak orang yang berdengki atau sebagainya?

62. Biasanya dalam sebulan, berapa jemputan yang Abe Wil dapat?

63. Dari segi kesihatan, bagaimana Abe Wil rasa, boleh teruskan lama lagi atau tidak?

64. Umur berapa sekarang ini?

65. Dari segi bayaran untuk setiap jemputan, adakah Abe Wil berpuas hati?

66. Bayaran itu bergantung kepada permainan ataupun bagaimana?

67. Abe Wil ada kelab atau bagaimana?

68. Bagaimana penerimaan ahli kumpulan tersebut terhadap Abe Wil sendiri?

69. Bagaimana Abe Wil jaga anak-anak buah sendiri?.

70. Biasanya semasa pembahagian duit itu, ada atau tidak isu berbangkit dari kumpulan?

71. Jadi ini merupakan satu kumpulan, dan bagaimana sekiranya ingin menyertai kumpulan ini?

72. Masuk ke dalam kumpulan ini dengan bakat yang sedia ada ataupun bagaimana?

73. Kalau lah seseorang itu datang untuk belajar, adakah kumpulan ini akan ajar sehingga pandai?.

74. Contohnya kalau ada 1 kumpulan yang ingin belajar serunai, bagaimana dari segi bayaran yang dikenakan?
75. Selain serunai, Abe Wil boleh bermain alat musik apa? Contohnya?
76. Apa prinsip hidup yang Abe Wil pegang?
77. Dalam satu permainan wayang kulit, berapa orang pemain serunai dalam 1 kumpulan?
78. Permainan wayang kulit ini ada kaitan atau tidak dengan unsur-unsur luar atau unsur ghaib, boleh jelaskan?
79. Wayang kulit biasanya dikaitkan dengan keturunan dan semangat halus dan apa kaitan ia dengan serunai?
80. Antara Tok Dalang wayang kulit dan pemain serunai ini, bagaimana hendak mencari keserasian?
81. Sebagai seorang pemain serunai yang boleh bermain bermacam-macam jenis lagu, dari mana Abe Wil mendapat inspirasi?
82. Seorang pemain serunai ini semestinya mempunyai tahap, bagaimana Abe Wil mengetahui tahap seseorang itu, adakah melalui mendengar, sudah mengetahui tahap seseorang itu? Dari segi kualiti bermain?
82. Dalam bermain serunai ini, ada atau tidak pantang larang?
83. Abe Wil ada berapa batang serunai?
84. Asal dari mana, beli ?
85. Serunai ini dibeli buatan orang Kelantan sendiri atau bagaimana?

86. Macam mana Abe Wil jaga seruling, biasanya orang lap di bahagian luar sahaja.
87. Sepanjang bermain seruling ini, pernah atau tidak apabila sampai di sesuatu majlis, berlaku perkara
yang tidak diinginkan seperti yang Abe Wil kata sebentar tadi, serunai tidak berbunyi dan sebagainya
88. Adakah unsur-unsur bomoh kuat dalam permainan seruling atau wayang kulit ini?
89. Apa faktor dan mengapa perlu ada unsur bomoh?
90. Unsur bomoh ini digunakan untuk melindungi diri sendiri atau untuk kenakan orang?
91. Kalau mengikut Islam, bagaimana?
92. Ilmu hitam ini jika diterapkan dalam permainan ini, apa keburukannya?
93. Ilmu hitam yang digunakan ini, adakah akan diwarisi?
94. Dalam kumpulan Abe Wil sendiri tidak ada benda-benda seperti ini?
95. Sebagai contoh Abe Wil beritahu sebentar tadi persembahan di Istana Negeri Kelantan, sebelum
Abe Wil turun dari rumah, ada atau tidak petanda-petanda yang tidak baik?
96. Apa pesanan Abe Wil kepada generasi muda yang ingin melibatkan diri dalam wayang kulit, mengenai ilmu hitam ini?
97. Apabila selesai bermain, bagaimana caranya?
98. Ada yang saya dengar biasanya kalau orang-orang tua yang ada darah seni ini, bila dia dengar bunyi
seruling dia tidak tahan dan wajib kena pergi.
99. Bagaimana penerimaan orang di sekeliling terhadap Abe Wil?
100. Biasanya kalau mengajar di rumah atau di tempat lain?

LOG TEMUBUAL

LOG TEMUBUAL

Temubual diketuai oleh Syahir Firdaus Bin Mat Atar yang menemuramah Encik Che Wil Bin Noh yang merupakan seorang penggiat seni serunai di negeri Kelantan. Sesi temubual diadakan di ruang tamu rumah beliau di Machang, Kelantan.

BAHAGIAN A (TAPE A)

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA/TEMPAT YANG DIRUJUK
0 : 25	Latar belakang tokoh	<ol style="list-style-type: none">1) Che Wil Bin Noh2) Dari umur 12 tahun3) Belajar4) Ratusan lagu5) Gelaran6) Abe Wil Irama7) Mak Yong8) Baiki alat
1 : 47	Latar belakang keluarga tokoh	<ol style="list-style-type: none">1) 20 tahun2) Masuk tentera3) Kugiran tentera4) Pencen5) Sakit6) Hospital Kubang Kerian7) Wayang Kulit8) Dikir Barat9) 8 orang anak10) Belajar

3 : 55	Kenangan manis	1) Tempat hiburan 2) Minat
4 : 28	Idola dalam permainan	1) Tiada 2) Guru meninggal 3) Pok Su Mat 4) Bunut Susu 5) Pasir Mas
5 : 15	Tahap dalam pelajaran	1) Tingkatan 3
5 : 35	Seruling dan jenis	1) 1 jenis 2) Serunai pendekar 3) Kelantan 4) Flute
6 : 35	Sejarah serunai	1) Tok Guru 2) 8 lubang 3) Syirik 4) Syurga 5) Neraka 6) Peringkat
8 : 15	Malis yang memerlukan serunai	1) Puteri 2) Mak Yong
8 : 45	Kreteria pemain	1) Fikiran tenang 2) Cinta 3) Idea
9 : 40	Anugerah yang diperoleh dan penglibatan	1) Tuanku Negeri Kelantan 2) Sijil 3) Anugerah

		<ul style="list-style-type: none"> 4) Luar Negara 5) Sepanyol 6) Perancis 7) Singapore 8) China 9) Indonesia 10) Wayang Kulit 11) 2002 12) 2003 13) 2007
11 : 40	Pengalaman pahit	<ul style="list-style-type: none"> 1) Luar Negara 2) Malaysia 3) PUSAKA 4) UiTM
14 : 35	Pendapat mengenai seni di Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> 1) Majukan lagi 2) Sampai generasi akhir 3) Kedah
15 : 28	Mengajar	<ul style="list-style-type: none"> 1) MRSM 2) 48 Pasukan 3) Tempat ke-3 4) UiTM
16 : 00	Perasaan jemu	<ul style="list-style-type: none"> 1) Tidak pernah 2) Minat
17: 35	Pendapatan keluarga melalui serunai	<ul style="list-style-type: none"> 1) Sepenuh masa 2) Bercucuk tanam

18 : 30	Pengalaman bermain bersama pemain wayang kulit terkenal Kelantan (Arwah Pak Su Ghani)	<ol style="list-style-type: none"> 1) Luar Negara 2) Garang 3) Persaudaraan 4) Meninggal 5) Moden 6) Joget lambak
---------	---	---

TAMAT BAHAGIAN A (TAPE A)

BAHAGIAN B (TAPE B)

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA/TEMPAT YANG DIRUJUK
0 : 40	Isteri dan keluarga tokoh	<ol style="list-style-type: none"> 1) Junaidah Hamzah 2) Kak Nun 3) Askar 4) Cantik 5) Berbudi bahasa 6) 18 cucu
1 : 29	Waktu meluangkan masa bersama keluarga	<ol style="list-style-type: none"> 1) Hari raya 2) Cuti
2 : 06	Zaman kanak-kanak tokoh	<ol style="list-style-type: none"> 1) Mak Yong 2) Pok Mudo Tukup 3) Menora 4) Sastera 5) Sijil

		6) Kerja kerajaan 7) Miskin 8) Merata- rata 9) Hijrah 10) Pahang 11) Berkelahi 12) Kelantan
4 : 45	Pemakanan tokoh	1) Kegemaran 2) Air teh susu 3) Tahan lapar 4) Alahan 5) Gatal-gatal 6) Makan cuka 7) Jeruk 8) Menyanyi 9) Makan cuka suara serak 10) Rokok
7 : 12	Jemputan ke majlis dan syarat	1) Syarat 2) Barang cukup 3) Pakaian 4) Sistem pembesar suara 5) Berkumpul 6) Balai polis 7) Sekolah 8) pendapatan
10 : 44	Masalah kumpulan dan penyelesaian	1) Jangan mudah tarik diri

		<ul style="list-style-type: none"> 2) Cikgu 3) Dengki 4) Sabar
13 : 00	Kesihatan tokoh	<ul style="list-style-type: none"> 1) Paha kanan 2) 60 tahun 3) Berpuas hati 4) Machang 5) Sehari
15 : 13	Mempunyai kelab sendiri atau tidak	<ul style="list-style-type: none"> 1) Kampung Machang 2) Cerdik 3) Kepahitan
17 : 12	Penyertaan dalam kumpulan	<ul style="list-style-type: none"> 1) Berilmu 2) Tiada ilmu 3) Sehingga pandai 4) Belajar 5) Seminggu 6) Bayaran 7) Minyak kereta 8) Makan 9) Dikir barat 10) Silat
20 : 16	Unsur dalam serunai dan permainan	<ul style="list-style-type: none"> 1) Unsur ghaib 2) Ilmu hitam 3) Semangat halus 4) Tok dalang 5) Serasi 6) Hanuman Kera Puteh 7) Arwah

		8) Pengalaman 9) Thailand 10) Tok Awe 11) Rm 1000 12) Bomoh 13) Rebah 14) Generasi muda 15) Tok guru 16) Kelantan 17) Melindung 18) Mengkhianat 19) Islam 20) Kehandalan 21) Memakan diri 22) Diwarisi 23) Menziarahi 24) Petanda 25) Pantang larang
35 : 55	Selepas bermain dan apa yang perlu dilakukan	1) Pinjaman 2) Yahudi 3) Mati 4) Berhutang

TAMAT BAHAGIAN B (TAPE B)

INDEKS

A

Abang, 1, 2, 3, 4, 5, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 16, 17,
18, 19, 20, 21, 22, 23, 24, 25, 26, 27, 28, 29, 30, 31,
32, 33, 35, 36, 37, 38, 40, 44

Abang Wil, 5

adik, 40

air, 40

akademik, 40

alat, 4, 40

allah, 40

anak, 4

anugerah, 40

arwah, 40

askar, 40

B

bahagian, 40

bahaya, 40

baiki, 40

bakat, 40

balai, 40

bangsal, 40

bayaran, 40

belajar, 40

beli, 40

berasal, 40

berdengki, 40

berkumpulan, 40

bersilat, 40

bismillah, 40

bodoh, 40

bomoh, 40

buatan, 40

budak, 40

budi, 40

buku, 40

bunut, 5

bunyi, 40

buruh, 40

C

cantik, 40

china, 40

cikgu, 40

cucu, 40

D

dalaman, 40

dasar, 40

dekar, 40

dikir barat, 40

duit, 40

F

fikiran, 40

G

gatal, 40

gelaran, 40

gendang, 40

gua musang, 40

H

had, 40

hairan, 40

hiburan, 4

hindustan, 40

hitam, 40

hospital, 40

I

ic, 40

idea, 40

idola, 40

ilmu, 40

lrama, 43

islam, 40

istana, 40

isteri, 40

J

jatuh, 40

jemputan, 40

jenis, 40

jeruk, 40

joget, 40

junaidah, 40

K

kak nun, 40
kedah, 40
kelantan, 40
keluarga, 40
kenangan, 4
kerja, 40
ketawa, 40
ketua, 40
kugiran, 40
kulit, 40
kumpulan, 40

L

lagu, 40
lambak, 40
lapan, 40
larang, 40
last, 40
line, 40
lubang, 40

M

majlis, 40
mak yong, 40
makan, 40
malaysia, 40
marah, 40
masalah, 40
mati, 40
mengajar, 40
menora, 40
menyanyi, 40
minyak, 40
moden, 40
MRSM, 40
muzik, 43

N

nafas, 40
nama, 40
negara, 40
negeri, 40
nenek, 40
neraka, 40

P

PA, 40
pahang, 40
pahit, 40
pak su, 40
panas, 40
pantang, 40
pantas, 40
pasir mas, 5
pedih, 40
pelajaran, 5, 40
pemandu, 40
pencapaian, 40
pendapatan, 40
pensyarah, 40
perancis, 40
permainan, 40
persembahan, 40
petua, 40
Pok Su, 5
polis, 40
pusaka, 40
puteri, 40

R

raya, 40
rebah, 40
rezeki, 40
ribu, 40
rokok, 40

S

sakit, 40
sebutan, 40
sekolah, 5
sensitif, 40
sepanyol, 40
serak, 40
serunai, 40
sesak, 40
setahun, 40
sewa, 40
sijil, 40
silap, 40
singapore, 40
suara, 40
suka, 40
sultan, 40

syirik, 40
syurga, 40

T

teh, 40
telefon, 40
tenang, 40
tentera, 40
tinggal, 40
tingkatan, 5
tok awe, 40
tradisional, 40
tuanku, 40
turun-temurun, 40

U

uitm, 40, 43
umur, 40, 43

W

wang, 40
wayang kulit, 40
wil, 40

Y

yahudi, 40
yakin, 40

Z

zaman, 40

RUJUKAN

RUJUKAN

Alat Muzik. (n.d.). News. Retrieved December 9, 2013, from

<http://www.jkkn.gov.my/ms/musical-instruments>

Kelantan Darul Naim. (n.d.). Kisah Dikir Barat – Seni Warisan. Retrieved December 3, 2013, from <http://www.kelantandarulnaim.com/kisah-dikir-barat-seni-warisan/>

PAK Su Ghani Pewaris Wayang Kulit Dalang. (n.d.). nadibahasasastera. Retrieved December 8, 2013, from <http://nadibahasasastera.wordpress.com/2011/02/12/pak-su-ghani-pewaris-wayang-kulit-dalang/>

serunai . (n.d.). Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. Retrieved November 29, 2013, from http://www.kraftangan.gov.my/craft_category/main/25/?menuid=95

LAMPIRAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Machang, Kelantan

PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan ENCIK CHE WL BIN NOH.....

Pada 24 November 2013.....

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat: -

Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari (tarikh). Dipersetujui pada oleh kedua pihak yang berkenaan.

Pengkisah (interviewee)

Pusat Pengajian

Pengurusan Maklumat, Sains

Pentadbiran & Pengajian Polisi

Dan Pengajian Undang-Undang

UiTM Cawangan Kelantan.



Gambar 1 : Sesi temubual Bersama Che Wil B. Noh



Gambar 2: Che Wil bermain serunai



Gambar 3: Penyampaian saguhati